

Ucaptama Tahunan Rektor

Bersama Membina Sebuah Universiti



Mukadimah

Assalamualaikum w.b.t

Saudara-saudari sekalian,

Mungkin belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada seluruh keluarga KUKUM yang berhimpun di sini pada hari ini. Saya merasa amat bertuah dan berbangga kerana pada pagi ini, kita sebenarnya sedang membina sebuah tradisi yang saya harap akan terus diamalkan sehingga ke dekad-dekad yang akan datang. Syarahan pagi ini merupakan syarahan perintis siri **Ucaptama Tahunan Rektor** yang akan diadakan pada setiap awal tahun. Saya bercadang menjadikannya sebagai sebuah forum di mana hasrat hati saya serta pihak pengurusan KUKUM dapat dikongsi bersama dengan segenap lapisan warga KUKUM. Ini agar setiap ahli keluarga KUKUM dapat menghayati dan seterusnya memikirkan cara yang terbaik untuk menyumbang tenaga bagi mencapai kecemerlangan di universiti yang kita sayangi ini.

Cabarang yang dihadapi KUKUM

Sebagai mukadimah kepada syarahan ini, ada baiknya sekiranya saya menjelaskan sekali lagi falsafah penubuhan KUKUM. Ini agar saudara/i sekalian dapat melihat secara keseluruhan kedudukan kita di dalam senario pendidikan tinggi negara. Mungkin dengan gambaran keseluruhan ini, kefahaman saudara/i sekalian tentang arah tuju KUKUM akan bertambah jelas lagi.

Sepertimana yang saudara/i sedia maklum, perkembangan sektor industri dan peningkatan keperluan pembangunan di negara ini memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang sains dan

teknologi. Segala kemudahan, kemewahan dan kesenangan hidup moden yang kita nikmati sekarang ini bukanlah milik kita yang abadi sekiranya teknologi yang mendasarinya tidak kita kuasai. Walaupun negara ini sudah mencapai banyak kemajuan, namun begitu, kita sebenarnya masih lagi kekurangan, terutama sekali dari segi sumber tenaga manusia yang pintar, berkebolehan, dan berkemahiran tinggi. Malaysia masih lagi memerlukan lebih dari 137 ribu orang jurutera mahir. Kita tidak mahu khidmat jurutera-jurutera mahir yang diperlukan ini terpaksa diimport dari luar negara. Kita mahukan anak-anak tempatan Malaysia sendiri untuk memimpin kita di arena sains dan teknologi.

Justeru itu, sebagai menyahut cabaran ini, KUKUM serta beberapa buah kolej-universiti lain telah ditubuhkan oleh kerajaan. Kumpulan kolej-kolej universiti serba baru ini mempunyai beberapa ciri yang berbeza dari universiti-universiti konvensional di negara ini. Sebagai contoh,

- Program akademik yang ditawarkan hanya difokuskan kepada beberapa bidang yang strategik sahaja;
- Proses pengajaran-pembelajaran yang diamalkan ialah pendekatan 'hands-on', iaitu pelajar menghabiskan lebih banyak masa menjalankan latihan praktikal /amali, berbanding di dalam dewan kuliah;
- Saiz populasi pelajar adalah kecil, iaitu tidak melebihi 10 000-15 000 orang;
- Bilangan tenaga pengajar adalah tinggi, iaitu dengan nisbah sekitar 1:10 tenaga pengajar kepada pelajar bagi subjek-subjek teras, dan,
- Jawatan hakiki 'Pengajar Vokasional' (J41) diujudkan khas oleh kerajaan bagi menampung keperluan tenaga pengajar di KU, selain jawatan Pensyarah

Bagi KUKUM, kita mempunyai motto iaitu

ILMU, KEIKHLASAN dan KECEMERLANGAN. Ilmu menjadi peneraju amal yang diamanahkan oleh Tuhan, manakala keikhlasan kepadaNya mendasari penerokaan ilmu. Kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan dengan sewajarnya. Adalah diharapkan agar segala hasil yang dijana oleh warga KUKUM dapat dimanfaatkan oleh negara dan seterusnya, dunia.

Sebagai sebuah universiti yang umurnya tidak sampai setahun jagung, KUKUM menghadapi terlalu banyak cabaran dan dugaan. Sebagaimana yang saudara/i sedia maklum, kampus KUKUM kini merangkumi tiga buah tapak yang berasingan iaitu di Kubang Gajah, bangunan KWSP Kangar, dan Kolej Kediaman di Taman Aman, Bintong. Dengan penawaran 6 buah program akademik pada sidang akademik 2003/2004 ini, KUKUM perlu menyediakan sekitar 800 buah tempat. Keterbatasan ruang tempat untuk menampung bilangan yang bertambah ini merupakan cabaran kepada KUKUM. Kita juga perlu meningkatkan kemudahan serta perkhidmatan asrama, pengangkutan, kesihatan, dan keselamatan pelajar. Kemudahan pengajaran-pembelajaran seperti dewan-dewan kuliah, bilik-bilik makmal, dan koleksi bahan bacaan dan penyelidikan di perpustakaan juga perlu ditambah.

Selaras dengan penambahan bidang pengajaran dan bilangan pelajar, kita juga memerlukan tenaga pengajar yang berkebolehan tinggi serta berketramplian untuk memberikan bimbingan akademik kepada pelajar-pelajar kita. Pelaksanaan kaedah pengajaran-pembelajaran hands-on yang julung-julung kali dilaksanakan di negara ini juga merupakan sebuah cabaran kepada kita. Dengan penggunaan kaedah hands-on

ini, kita bukan sahaja memerlukan ramai tenaga pengajar yang terlatih, tetapi juga peralatan pengajaran-pembelajaran yang sesuai dan mencukupi. Walaupun masih terdapat kekurangan dalam pelaksanaannya disebabkan ia masih pada peringkat permulaan, kita sebenarnya boleh berbangga kerana menyahut panggilan kerajaan untuk mengaplikasikan kaedah hands-on ini.

Satu lagi cabaran buat KUKUM ialah untuk meletakkan agenda penyelidikan dan pembangunan di tempat yang tinggi. Cabaran yang paling jelas di hadapan kita ialah pembangunan kampus tetap KUKUM di Pauh dan Sungai Chuchuh. Pembinaan sebuah kampus di kawasan hutan tentunya sedikit-sebanyak akan merosakkan ekosistem semulajadi yang sedia-ada. Jadi apakah yang harus kita lakukan untuk meminimumkan kerosakan ini? Perlulah sama-sama kita memirkannya.

Sekiranya kita merasakan bahawa cabaran-cabaran yang saya sebutkan ini sukar untuk ditangani, saya kira cabaran pentadbiran dan pengurusan adalah yang paling mencabar sekali. Ini kerana asas yang dapat menyokong tindakan yang bakal dilaksanakan bagi menyahut kesemua cabaran-cabaran ini ialah - tidak lain dan tidak bukan - keberkesanannya pengurusan dan pentadbiran universiti. Untuk itu, dan sekaligus bagi meningkatkan keyakinan pihak awam bahawa kualiti dalam pendidikan tinggi adalah terjamin, KUKUM perlu melaksanakan sebuah kod amalan jaminan kualiti.



Penanganan cabaran dan arah tuju KUKUM untuk tahun 2003

Saudara-saudari sekalian,
Saya harap cabaran-cabaran yang saya gariskan tadi tidak akan mematahkan semangat kita untuk bekerja dan mendedikasikan diri bagi mencapai kecemerlangan universiti ini. Malah, ia sepatutnya menjadi pendorong untuk terus bekerja keras. Sebagai manusia, kita harus bangkit menghadapi cabaran. Cabaran akan memantapkan kekuatan diri kita. Namun begitu, kita perlu mempunyai strategi yang menditilkam bagaimana cabaran tersebut harus dihadungi. Ingin saya berkongsi dengan saudara-saudari sekalian tentang bagaimana kita bercadang menangani cabaran-cabaran yang telah saya sebutkan di atas.

Untuk memenuhi keperluan mendapatkan ruang yang lebih bagi menampung pengambilan pelajar yang ramai tidak lama lagi, kita telah pun mengejelaskan beberapa bangunan kosong di sekitar Kangar, Jejawi dan juga di Kuala Perlis untuk diambil-alih. Kerja-kerja pemuliharaan bangunan-bangunan ini sudahpun dimulakan. Insya Allah, dengan siapnya kemudahan-kemudahan KUKUM yang terletak di beberapa tempat di dalam negeri Perlis ini, universiti ini kelak akan menjadi terkenal sebagai sebuah kampus yang bersifat bertaburan. Saya lebih gemar menggelarkannya sebagai "distributed", dan kampus KUKUM sebagai KUKUM distributed campus. Tidak lama lagi, kampus Kubang Gajah akan kita panggil Kampus Induk, di mana terdapatnya dewan kuliah, makmal, pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar, dan kemudahan-kemudahan sukan dan riadah. Tapak kampus di Kuala Perlis akan menampung kemudahan makmal dan dewan kuliah. Kemudahan pengajaran-pembelajaran akan turut dilebarkan ke beberapa bangunan di Jejawi. Semua pusat-pusat pengajian pula akan dipindahkan ke bangunan KIK lama di Kangar, manakala Perpustakaan kekal di Bangunan KWSP. Nadi pentadbiran KUKUM, termasuk Canselor, pejabat Pendaftar, dan ICT turut ditempatkan di KWSP.

Kampus bertaburan, atau 'distributed campus' ini sebenarnya merupakan suatu konsep yang berasas dan boleh dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Disebabkan sifatnya yang bertaburan, peluang bagi KUKUM untuk terus menerus dibesar dan dibangunkan tidak lagi dikekang oleh faktor ruang dan demografi - sebagaimana kampus konvensional lain. Selain itu, dengan KUKUM menjadi sebuah distributed campus, maka seluruh negeri Perlis ini menjadi perkongsian kampus kita, sesuai dengan impian kerajaan untuk menjadikan negeri ini sebuah negeri ilmu. Walaubagaimanapun, sebagai sebuah kampus yang bertaburan, adalah menjadi amat penting untuk memastikan terhadapnya penyelaras yang kukuh di antara kesemua tapaknya dari aspek akademik teknologi, dan pentadbiran. Kini, sudahpun terdapat beberapa universiti di dunia ini yang dijadikan kampus bertaburan - samada secara sengaja atau secara adhoc. Antaranya ialah George Mason University dan Florida Atlantic University di Amerika Syarikat. Kita kini sedang mengkaji kekuatan dan kelebihan dalam mempraktikkan konsep ini, dan insya Allah, kita akan mengambil ikhtiar dari pengalaman universiti-universiti ini. Ini supaya KUKUM distributed campus berjaya direalisasikan

tanpa mengkompromikan ciri-ciri baik yang terdapat pada kampus yang bukan bersifat bertaburan.

Bagi memenuhi keperluan mendapatkan tenaga pengajar, kita kini sedang mengatur langkah menarik staf akademik yang terbaik dan berpotensi tinggi supaya berminat menyertai KUKUM. Ini termasuklah mereka dari kalangan lepasan program siswazah. Kita juga sedang menyusun pelan untuk melaksanakan rancangan SLAB, di mana beberapa orang staf dihantar untuk menjalani pendidikan tinggi sehingga ke peringkat Sarjana atau PhD sebelum mereka menjadi pengajar dan pensyarah di sini. Pelantikan pensyarah-pensyarah kunjungan dari dalam dan luar negara juga akan dibuat secepat mungkin. Kita berharap dapat memenuhi sasaran Kementerian Pendidikan yang berkehendak agar 70-75% dari tenaga pengajar universiti memiliki Ph.D atau lain-lain kepakaran profesional menjelang tahun 2005.

Cabarannya untuk menjadikan KUKUM sebuah institusi penyelidikan akan cuba direalisasikan dengan memulakan projek-projek penyelidikan di mana budaya R&D di kalangan tenaga pengajar dan juga pelajar dapat diterapkan. Sehubungan itu, dan sesuai juga dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat yang digarapkan oleh Kementerian Pendidikan, kita akan memulakan pengambilan pelajar siswazah tinggi tidak lama lagi.

Di samping itu, KUKUM juga akan memulakan perkongsian pintar dengan IPT lain dan juga dengan industri di dalam dan luar negara. KUKUM akan memberikan fokus kepada 'industry-oriented R&D' dengan penglibatan secara langsung pihak industri. Seiring dengan hasrat unit Perhubungan Industri sudahpun ditubuhkan. Kita sudah mula menjalankan pelbagai usaha untuk memperkenalkan diri serta menjalin hubungan dengan pihak-pihak yang relevan khususnya di utara Semenanjung Malaysia dan di sekitar kawasan IMT-GT. Beberapa rakan perkongsian pintar telah dikenalpasti di Pulau Pinang, Kulim Hi-Tech Park dan Sungai Petani. Pada peringkat awal ini, tumpuan khas diberikan kepada hubungan dengan industri fabrikasi wafer iaitu Silterra (Kulim), Mimos dan First Silicon (Sarawak) serta beberapa 'fabless design centre/houses'. Hubungan dengan pihak-pihak lain kini sedang giat dirancang dan dilaksanakan.

Bagi menangani cabaran pembangunan kampus tetap KUKUM, kita bertekad untuk membuat perancangan yang rapi agar projek ini berjalan dengan lancar. Atas kesedaran bahawa alam sekitar perlu dipelihara, dan juga atas kefahaman yang mendalam tentang keperluan pembangunan sahsiah yang lengkap pada diri pelajar dan staf, KUKUM berhasrat memanggil kampus tetapnya - Kampus Alam. Sebuah Kampus Alam mempunyai ciri-ciri tertentu yang memastikan bahawa keseimbangan intelektual, sosial, spiritual, mental, fizikal, dan alam sekitar diberi perhatian yang sewajarnya. Keprihatinan kita yang mendalam kepada penjagaan alam sekitar diharap dapat memberikan mesaj yang kuat kepada masyarakat bahawa - bidang kejuruteraan yang menjadi teras pengajaran akademik kita - sebenarnya boleh memainkan peranan penting dalam usaha pemeliharaan

persekitaran semulajadi yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepada kita semua.

Bagi mengukuhkan kedudukan kita dalam mengharungi cabaran serta perancangan untuk menanganinya, dan dengan berpandukan falsafah penubuhan KUKUM, ingin saya membawa perhatian saudara/i sekalian kepada Bengkel Perancangan Strategik yang telah diadakan pada 16 hingga 18hb Ogos, 2002 di Langkawi. Pada waktu itu, staf kita kurang dari 100 orang. Di Langkawi, kita telah bersama-sama menggembeling tenaga memerah otak dan minda untuk menghasilkan perancangan strategik KUKUM untuk lima tahun yang akan datang. Kita juga telah membangunkan misi dan visi KUKUM. Misi dan visi ini ada dipamerkan di ruang legar di luar auditorium ini pada hari ini. Adalah penting bagi saudara-i sekalian membaca, memahami dan menghayatinya.

Di dalam syarahan perdana ini, saya ingin menarik perhatian saudara/i kepada hasil bengkel perancangan strategik tersebut, yang seterusnya menjadi dasar kepada tugas sehari-hari semua staf KUKUM. Saya akan menggariskan perancangan 5 tahun ini secara kasar, dan seterusnya, saya akan mengupas strategi kita untuk satu tahun, iaitu tahun 2003, sahaja dahulu.

Dari sekarang sehingga tahun 2007, sebanyak 12 buah sasaran umum telah dikenalpasti. Sasaran-sasaran ini ialah:

- 1• Meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran
- 2• Memulakan dan seterusnya meningkatkan taraf penyelidikan
- 3• Membangunkan kumpulan staf akademik yang berkemahiran dari aspek teori dan praktikal, serta mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dan peka kepada perkembangan teknologi
- 4• Menjadikan staf KUKUM (iaitu staf akademik dan juga bukan-akademik) sebagai ejen perubahan yang mampu memberikan idea-idea baru, mesra pelanggan, dan menghargai kepentingan pemeliharaan alam sekitar
- 5• Mengintegrasikan pembangunan insan di dalam kurikulum
- 6• Melengkapkan pelajar dengan persiapan yang seimbang dan memenuhi kehendak sektor industri
- 7• Memupuk budaya integrasi kaum di kalangan staf dan pelajar
- 8• Melahirkan budaya cintakan kecemerlangan akademik di kalangan pelajar
- 9• Melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri unggul seperti mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi, mampu berfikir dan bertindak secara rasional dan bijaksana, mempunyai nilai jididi yang utuh, serta berkualiti di dalam bidang ilmu dan kemahiran
- 10• Menyediakan sistem kewangan yang efisien dengan mengambil kira segala peraturan universiti
- 11• Memantapkan dan menambahbaik sistem pentadbiran universiti secara berterusan, dan
- 12• Membentuk jalinan kemesraan dengan masyarakat setempat dan seterusnya menjadi ejen dan pemangkin kepada penambahbaikan masyarakat.

Sekiranya diteliti dengan mendalam kesemua dua belas sasaran ini, saya pasti saudara-saudari sekalian dapat merasai betapa

beratnya tanggungjawab yang kita pikul bersama. Lebih-lebih lagi jika diperhatikan umur KUKUM yang begitu muda, adakah kita sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang sebegini hebatnya?

Saya serta beberapa orang rakan pada peringkat pengurusan sebenarnya akur bahawa kemungkinan besar, banyak daripada sasaran kita ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dalam masa terdekat ini. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa ini merupakan perancangan 5 tahun, dan bukannya satu tahun sahaja. Adalah amat wajar sekiranya kita meletakkan sasaran kita di tempat yang tinggi meskipun ia mungkin dirasakan mustahil untuk dicapai. Ini kerana dengan adanya sasaran, maka ia menjadi pedoman serta dorongan bagi kita melaksanakan tugas sehari-hari kita dengan bersungguh-sungguh.

Saya sering teringat kisah dua orang pemecah batu yang kerjanya ialah memecahkan batu untuk dijual kepada pembina masjid. Bila ditanya apa yang sedang dilakukannya, pemecah batu pertama menjawab dengan nada yang lesu, "Saya sedang memecahkan batu. Batu ini akan saya jual kepada orang lain. Setiap hari saya lakukan pekerjaan yang amat memerlukan ini." Manakala pemecah batu kedua, yang mempunyai harapan dan semangat yang tinggi walaupun pekerjaannya tidak ada bezanya dengan pemecah batu pertama, berkata, "Saya sedang mendirikan sebuah masjid. Di dalam masjid ini nanti beratus-ratus orang akan mengerjakan ibadah kepada Tuhan. Dari itu saya perlu melaksanakan tugas yang hebat ini dengan sebaik-baiknya."

Dari cerita ringkas ini terkandung beberapa pengajaran yang amat berguna. Iaitu, walaupun sekali walaupun tugas sehari-hari kita tidak membolehkan kita melihat sasaran kita direalisasikan. Ini kerana sesebuah pekerjaan yang sempurna mengambil masa yang lama untuk direalisasikan, dan oleh itu memerlukan kesabaran. Saya percaya kesabaran boleh diperolehi sekiranya kita mempunyai wawasan yang jelas. Pemecah batu yang kedua tadi mempunyai wawasan yang sedemikian.

Satu lagi pengajaran ialah - kita perlu meletakkan sasaran kita di tempat yang tinggi sekali walaupun tugas sehari-hari kita tidak membolehkan kita melihat sasaran kita direalisasikan. Ini kerana sesebuah pekerjaan yang sempurna mengambil masa yang lama untuk direalisasikan, dan oleh itu memerlukan kesabaran. Saya percaya kesabaran boleh diperolehi sekiranya kita mempunyai wawasan yang jelas. Pemecah batu yang kedua tadi mempunyai wawasan yang

**"Atas kesedaran bahawa
alam sekitar perlu dipelihara,
dan juga atas kefahaman
yang mendalam tentang
keperluan pembangunan
sahsiah yang lengkap pada
diri pelajar dan staf, KUKUM
berhasrat memanggil
kampus tetapnya
- Kampus Alam."**

Dari 12 buah sasaran yang saya senaraikan tadi, saya memilih 5 yang akan dijadikan fokus utama di KUKUM sepanjang tahun 2003. Kelima-lima sasaran ini dipilih setelah cabaran-cabaran utama seputarimana yang saya huraikan tadi dikaji dengan sedalam-dalamnya. Selain itu, saya percaya 5 sasaran ini menjadi asas kepada pembentukan sebuah budaya yang kita panggil 'Budaya KUKUM' yang merangkumi cogan kata kita iaitu ILMU, KEIYHLASAN, dan KECEMERLANGAN. Insya Allah, sekiranya kelima-lima sasaran ini dihayati dan dilaksanakan dengan sepenuh jiwa dan raga, maka sasaran-sasaran lain dapat dipenuhi tanpa banyak masalah pada masa-masa akan datang.

Kelima-lima sasaran ini ialah:

- (1) Meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran
- (2) Membangunkan kumpulan staf akademik yang berkemahiran dari aspek teori dan praktikal, serta mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dan peka kepada perkembangan teknologi
- (3) Menjadikan staf KUKUM (iaitu staf akademik dan juga bukan-akademik) sebagai ejen perubahan yang mampu memberikan idea-idea baru, mesra pelanggan, dan menghargai kepentingan pemeliharaan alam sekitar
- (4) Melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri unggul seperti mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi, mampu bertindak dan berfikir secara rasional dan bijaksana, mempunyai nilai jatidiri yang utuh, serta berkualiti di dalam bidang ilmu dan kemahiran, dan
- (5) Memantapkan dan menambahbaik sistem pentadbiran universiti secara berterusan

Kesemua sasaran ini didukung terutamanya oleh pusat-pusat pengajian dan pusat, dengan diterajui oleh saya serta Timbalan Rektor Akademik, manakala jabatan-jabatan lain memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Sebagai contoh, sekiranya sasaran pertama iaitu 'meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran' hendak dipenuhi, pihak Dekan perlu mewujudkan satu sistem di mana proses pengajaran-pembelajaran sentiasa dipantau. Sekiranya terdapat kepincangan di sini sana, maka segala sumber yang ada seharusnya digunakan untuk mengatasi kepincangan tersebut. Sumber yang dimaksudkan di sini mungkin terletak di bawah Jabatan Pendaftar, Perpustakaan atau Bendahari, yang mempunyai tanggungjawab untuk menggunakan bagi kepentingan pelajar.

Semua dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan telah diarahkan untuk mengambil kelima-lima sasaran ini untuk direalisasikan pada peringkat pusat pengajian. Setelah berbincang, semua telah sebutul sura bersatu menetapkan beberapa objektif bagi mencapai kelima-lima sasaran ini di pusat pengajian, pusat dan jabatan masing-masing. Di ruang legar di luar auditorium ini terdapat beberapa poster yang menunjukkan sebahagian daripada perancangan Dekan-dekan tersebut.

Saya akan mengupas serba sedikit objektif-objektif ini. Bagi sasaran meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran, semua tenaga pengajar akan menjalani kursus pengajaran berkesan yang diadakan secara berterusan oleh pakar-pakar yang dikenalpasti. Selain itu, kemudahan makmal yang seiring dengan peralatan di industri akan disediakan. Begitu

juga dengan kemudahan perpustakaan. Pihak Perpustakaan, dalam usahanya mendukung sasaran pertama ini - akan bertungkus-lumus memantapkan segala kemudahan perkhidmatannya. Ini termasuklah menyediakan perkhidmatan mengakses maklumat yang lebih cekap dan jitu untuk pengguna-penggunanya.

Saya sebutkan tadi tentang pemantauan - ini akan dilakukan ke atas prestasi pelajar, terutama sekali keputusan peperiksaan pelajar. Program homeroom yang dimulakan sejak awal pembukaan KUKUM dulu akan dimantapkan lagi dengan peningkatan bilangan perjumpaan pada setiap semester.

Tahap pendidikan tenaga pengajar ke peringkat yang setinggi mungkin - samada peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah akan ditingkatkan. Selain itu, saya juga ada menyebutkan tentang mendapatkan perkhidmatan tenaga pengajar yang berpengalaman dari industri dan universiti di dalam dan luar negara. Kerjasama dengan sektor industri dan badan-badan tertentu akan diperkuatkhan bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan keperluan dan kehendak semasa industri. Ini dilakukan pada peringkat pusat pengajian dan juga universiti. Perjumpaan akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Maklumbalas ini akan digunakan untuk mengkaji-semula secara berterusan kerelevan kurikulum yang sedia ada. Semua ini dilakukan untuk mencapai sasaran pertama kita - iaitu peningkatan kualiti pengajaran-pembelajaran.

Sasaran kedua ialah membangunkan kumpulan staf akademik yang berkemahiran dari aspek teori dan praktikal, serta mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dan peka kepada perkembangan teknologi. Ini amat penting kerana sekiranya kumpulan staf akademik tampak tidak bermaya dalam pengendalian tugas, maka itulah mesej yang disampaikan kepada pelajar. Universiti-universiti terbilang di dunia semua mempunyai staf akademik yang outstanding. Di KUKUM, kita berhasrat mendidik staf akademik kita hingga ke peringkat ini dengan menyusun sesi-sesi perbincangan dan seminar dalaman di antara staf-staf akademik yang mempunyai kepakaran yang berlainan. Kita juga akan menggalakkan (dan di dalam sesetengah kes, mewajibkan) staf akademik mengambil bahagian dan menghadiri seminar, perjumpaan, persidangan dan kursus-kursus akademik/teknikal yang berkaitan, yang ditawarkan di dalam dan di luar negara. KUKUM seterusnya akan menyediakan insentif bagi menggalakkan staf akademik menjadi ahli di dalam persatuan-persatuan ilmiah dan profesional di dalam disiplin masing-masing. Insentif bagi menggalakkan staf akademik menulis artikel-artikel ilmiah di dalam jurnal akademik dan penerbitan bukan-akademik juga akan dititik-beratkan. Lawatan ke industri akan dijalankan, di mana staf akademik wajib menyertainya. Di samping itu, kita akan menyusun program mentor-mentee yang menemukan staf akademik yang berpengalaman dengan staf akademik yang kurang berpengalaman. Ini semua diharap dapat membantu mencapai sasaran ke dua tadi.

Bagi menepati sasaran ke 3 - iaitu menjadikan staf KUKUM -iaitu staf akademik dan juga bukan-akademik - sebagai ejen perubahan

yang mampu memberikan idea-idea baru, mesra pelanggan, dan menghargai kepentingan pemeliharaan alam sekitar, kita sudah merancang pelan tindakannya. Kita akan menyediakan insentif bagi menggalakkan staf tampil ke hadapan untuk mengemukakan idea-idea penambahbaikan yang baru. Kita akan menyediakan infrastruktur - seperti 'e-kotak cadangan' - yang memungkinkan staf mengemukakan idea-idea baru ini, serta memastikan bahawa idea-idea ini sampai ke pihak pengurusan atasan, termasuk sayang sendiri. Selain itu, kita akan memberi respons yang positif kepada idea-idea baru yang berpatutan dan berpotensi untuk dimanfaatkan, di samping mengadakan kaunseling untuk mencari pembangunan kerja sama staf KUKUM. Peruntukan sumber yang mencukupi untuk staf mencapai apa yang telah dicarta juga akan dilakukan.

Bagi memastikan bahawa kemahiran dan kebolehan yang diperlukan untuk menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya dikenalpasti, kita akan melaksanakan apa yang dipanggil 'Training Needs Analysis' (TNA). Hasil dari Training Needs Analysis ini, kita akan menggalakkan, dan dalam sesetengah kes, mewajibkan staf menjalani kursus-kursus yang relevan. Kita juga akan menyediakan insentif bagi menggalakkan staf (terutamanya staf bukan-akademik) untuk rajin membaca dan menimba ilmu. Untuk itu, kita akan menubuhkan ruang-ruang bacaan di pusat-pusat pengajian, pusat dan jabatan. Akhir sekali, bagi mengukuhkan peluang untuk program-program di atas supaya berjaya dilaksanakan, kita akan memastikan staf bekerja secara berpasukan.

Sasaran kita yang ke 4 ialah untuk melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri unggul dan hebat seperti mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi, mampu bertindak dan berfikir secara rasional dan bijaksana, mempunyai nilai jatidiri yang utuh, serta berkualiti di dalam bidang ilmu dan kemahiran. Untuk ini, kita akan melibatkan pelajar dalam aktiviti khidmat masyarakat, serta menerapkan imej profesionalisme dalam kalangan pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di sini. Di samping itu, kita akan memperkenalkan kursus atau seminar pendidikan moral dan etika. Kita akan cuba menerapkan nilai-nilai prihatin terhadap alam sekitar, serta mengadakan seminar, perjumpaan, persidangan dan kursus-kursus akademik/teknikal yang berkaitan, yang ditawarkan di dalam dan di luar negara. KUKUM seterusnya akan menyediakan insentif bagi menggalakkan staf akademik menjadi ahli di dalam persatuan-persatuan ilmiah dan profesional di dalam disiplin masing-masing. Insentif bagi menggalakkan staf akademik menulis artikel-artikel ilmiah di dalam jurnal akademik dan penerbitan bukan-akademik juga akan dititik-beratkan. Lawatan ke industri akan dijalankan, di mana staf akademik wajib menyertainya. Di samping itu, kita akan menyusun program mentor-mentee yang menemukan staf akademik yang berpengalaman dengan staf akademik yang kurang berpengalaman. Ini semua diharap dapat membantu mencapai sasaran ke dua tadi.

Bagi mencapai sasaran ke 5, iaitu memantap dan menambahbaik sistem pentadbiran universiti secara berterusan, KUKUM akan memberi perhatian khusus kepada pembangunan sistem pentadbiran yang berkualiti. Kita akan meminta setiap jabatan melakarkan carta organisasi masing-masing, yang lengkap dengan kenyataan fungsi dan JD semua stafnya. Sistem komunikasi antara staf akan diperkemas dengan mewujudkan, antara lain, papan-papan kenyataan - samada yang berbasiskan kertas, dan juga yang beroperasi secara maya. Sistem pentadbiran universiti ini kelak insya Allah akan berupaya mengurang dan seterusnya menghapuskan masalah pentadbiran yang mungkin wujud. Kita juga akan memastikan agar pihak pengurusan sentiasa peka kepada idea-idea penambahbaikan pentadbiran yang

dikemukakan oleh staf. Kita bertekad untuk menggunakan IT sebagai teras peningkatan kualiti sistem pentadbiran universiti kita.

Selari dengan pelan tindakan berdasarkan 5 buah fokus yang saya terangkan tadi, terdapat satu lagi dimensi pembangunan yang perlu diberi perhatian. Saya telah mengatakan tadi bahawa kita perlu membangunkan sebuah budaya yang kita panggil BUDAYA KUKUM. Budaya ini kelak menjadi dasar kepada kecemerlangan KUKUM.

Sebuah budaya yang baik tidak terjadi dengan sendirinya, tetapi memerlukan perancangan yang rapi serta kesungguhan yang tinggi untuk membinanya. Kerana itulah ingin saya nyatakan bahawa mulai tahun ini, kita akan memulakan proses penyemayaan dan pemantapan beberapa ciri positif ke dalam dalam setiap warga KUKUM. Ciri-ciri positif ini adalah IKHLAS, TELUS, PROAKTIF, CEPAT, TEPAT dan KERJA BERPASUKAN. Kelima-lima ciri ini amatlah penting untuk disebatkan di dalam jiwa kita. Tanpa ciri-ciri ini, mungkin KUKUM tidak berupaya mengukir nama dan kekuatan, seperti mana yang kita semua idam-idamkan.

Suka saya nyatakan bahawa ini bukanlah bermakna ciri-ciri yang saya sebutkan ini tiada pada warga KUKUM kini-saya percaya ramai di antara kita sudahpun memiliki malah melebihi ciri-ciri ini. Namun begitu, mulai sekarang, kita akan secara terancang dan secara 'conscious' membicarakan dan seterusnya mengintegrasikannya ke dalam setiap prilaku kita agar ia meresap menjadi sebahagian tindak-tanduk kita dalam menjalankan tugas yang rasmi mahupun tidak rasmi. Saya menyeru semua ketua jabatan serta seluruh warga KUKUM untuk bersama-sama memikirkan bagaimana menyahut cabaran ini. Saya harap, tidak lama lagi, sekiranya BUDAYA KUKUM disebut, secara spontan ciri-ciri tadi terbayang di ruang mata, dengan diiringi banyak contoh di mana ia diamalkan dan dimanfaatkan oleh warga KUKUM. Saya harap kita semua kelak akan sama-sama berkongsi memiliki dan menggunakan ciri-ciri tersebut.

Ingin saya ingatkan di sini bahawa tanggungjawab merealisasikan sasaran-sasaran yang telah saya sebutkan tadi tidak terletak semata-mata pada bahu Rektor, Timbalan Rektor dan Ketua-ketua Jabatan sahaja. Mereka ini diberi tugas merancang dan memantau, manakala segenap lapisan KUKUM diberi tugas melaksanakannya. Segala penatjer merancang dan memantau akan menjadi sia-sia sekiranya ini tidak disusuli dengan kerjasama dari pihak staf. Saya sudahpun menggariskan tiga bentuk pendekatan pengurusan yang seharusnya diamalkan oleh Ketua-ketua Jabatan ke atas staf mereka, yang saya kira dapat membantu merealisasikan apa yang kita semua idam-idamkan. Pendekatan pengurusan yang saya maksudkan itu ialah Pengurusan Secara Merayap, Pengurusan Berasaskan Kaunseling, dan Pengurusan Secara Objektif.

Bagi Pengurusan Secara Merayap, Ketua Jabatan akan meneliti kemajuan dan perjalanan harian jabatannya hingga ke akar umbi dengan melawat sendiri semua pejabat dan lapangan yang di bawah penyuaiannya. Ini dilakukan tanpa mengenepekkan dasar delegasi dan empowerment yang sejawarnya digunakan.

Pendekatan ini dapat memastikan agar Ketua Jabatan sentiasa peka kepada cabaran dan permasalahan harian yang mungkin dihadapi oleh stafnya.

Bagi Pengurusan Berasaskan Kaunseling pula, Ketua Jabatan menyelesaikan perselisihan pendapat atau perbezaan pandangan melalui pendekatan kaunseling. Ini memberikan peluang kepada staf untuk melihat perspektif Ketua Jabatan, dan seterusnya memberikan ruang kepada Ketua Jabatan untuk bersama-sama bermesyuarah dalam mengendalikan isu-isu yang timbul di jabatannya.

Bagi Pengurusan Secara Objektif, Ketua Jabatan mentadbir jabatannya dengan mengambil kira maklumbalar berdasarkan data dan fakta yang dikumpul dan diterima. Ini agar segala keputusan yang diambil bersifat adil dan berpatutan, kerana ia berteraskan data dan bukannya pandangan atau pendapat semata-mata.

Sejenak Perjalanan

Saudara-saudari sekalian,

Kini hampir 9 bulan KUKUM telah beroperasi dengan rasminya. Banyak sekali aktiviti-aktiviti telah dijalankan. Saya ingin menyerikan majlis ini dengan merenung sejenak perjalanan yang telah kita tempuh, yang membawa kita ke sini pada hari ini.

Sejenak perjalanan KUKUM ini bermula dengan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Rasmi kemasukan pelajar-pelajar baru oleh YAB Dato' Seri Shahidan Kassim kepada pelajar-pelajar dari zon utara. Ini telah diadakan di Dewan Residensi, Kangar pada 6 Jun, 2002. Pada 12 Jun pula, KUKUM telah dijemput untuk mengadakan pameran di Maktab Perguruan Perlis sempena Konvensyen Pendidikan Negeri Perlis anjuran bersama Maktab Perguruan Perlis dan Jabatan Pendidikan Perlis.

Tanggal 20 Jun 2002 merupakan hari yang bersejarah kerana hari tersebut merupakan hari pendaftaran pelajar-sulung KUKUM. Seramai 119 orang pelajar telah mendaftar untuk mengikuti program Kejuruteraan Mikroelektronik dan Kejuruteraan Komputer. Seterusnya, pada 22 Jun 2002, Majlis Sambutan Siswa telah dilangsungkan untuk memperkenalkan pegawai-pegawai utama kepada warga baru KUKUM. Bacaan ikrar serta upacara menandatangani surat akaun janji oleh semua mahasiswa dan mahasiswi juga telah dilaksanakan. Semasa Minggu Suaikenal, Forum Perdana Hal Ehwal Islam turut dimuatkan untuk memberkati lagi majlis.

KUKUM juga seharusnya berasa bangga apabila Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi YBhg Profesor Hassan Said melawat KUKUM pada 29 Jun 2002. Tidak lama selepas itu, sesi Pengurusan Bersama Rektor telah diadakan pada 3 Julai 2002 dengan tujuan untuk berkongsi dan menerapkan kaedah pengurusan yang baik dan efisien di kalangan staf.

Bengkel Pembelajaran Berkesan pula telah diadakan untuk staf akademik pada 13 Julai 2002 di Bukit Ayer Jungle Park Resort. Antara lain, bengkel ini bertujuan mendidik staf baru, dan menjadi 'refresher course' bagi staf yang sudah berpengalaman dalam bidang

pengajaran. Ia juga menjadi wadah di mana falsafah dan etika keseluruhan proses pengajaran-pengajaran di KUKUM dibincangkan. Bengkel ini juga membolehkan staf – sama ada yang baru atau yang lebih berpengalaman – untuk berkongsi pengalaman dan pandangan masing-masing. Bengkel ini telah meningkatkan keyakinan staf baru dalam memulakan kerjaya sebagai pensyarah dan pengajar di KUKUM.

Sebagai sebuah institusi yang mementingkan nilai dan etika yang terpuji di kalangan staf, Bengkel Nilai dan Etika telah diadakan, dengan dikendalikan oleh seorang pakar dari INTAN. Pada 18 Julai 2002 pula, KUKUM telah dijemput untuk mengadakan pameran di Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra bersempena Hari Anugerah Cemerlang. Objektif pameran ini adalah untuk mempromosikan KUKUM dan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang program-program pengajaran yang ditawarkannya. Pada 19 Julai 2002, Festival Nasyid Tertutup Edisi Pertama KUKUM telah diadakan dengan tema "Pembudayaan Nasyid ke Arah Penjanaan Peribadi Mulia". Festival ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara warga KUKUM. Festival ini juga berhasrat mencungkil bakat terpendam pelajar serta membentuk sahsiah diri yang mulia, sekali gus menggalakkan semangat proaktif, kreatif dan inovatif di kalangan pelajar.

KUKUM sebagai sebuah institusi yang mementingkan hubungan rapat dan riadah bersama masyarakat sekeliling telah menjalankan beberapa program kemasyarakatan. Contohnya, pada 20 Julai 2002, Program Berjalan Kaki dan Mesra Rakyat sejauh 10 km telah dianjurkan. Seluruh warga KUKUM telah terlibat di dalam program yang bertujuan untuk merapatkan siratulrahim antara sesama kita, serta memperkenalkan KUKUM kepada masyarakat luar. Dua buah kampung telah diambil sebagai kampung angkat.

Selain berjalan kaki, aktiviti Larian Merdeka "Keranamu Malaysia" telah dijalankan, dengan disertai oleh 20 orang staf KUKUM dan diketuai oleh saya sendiri sebagai pelari utama yang membawa bendera jalur gemilang sejauh 1km. Bersempena Hari Kemerdekaan pada bulan Ogos, KUKUM tidak mahu ketinggalan dalam upacara Kawad Hari Kebangsaan. Dengan berbekalkan semangat kemerdekaan yang tinggi, KUKUM telah menghantar seramai 70 orang yang terdiri daripada staf dan pelajar bagi mewakili kontingen masing-masing.

Pada 27 Julai 2002, KUKUM berasa bertuah kerana dipilih menjadi tuan rumah Program Kuiz Bina Bangsa Peringkat Negeri Perlis anjuran Jabatan Perpaduan Negara, Negeri Perlis. Program ini telah diasmikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara & Pembangunan Masyarakat. Program ini, yang disertai oleh semua IPT di negeri Perlis, bertujuan memupuk semangat perpaduan, patriotisme dan nilai-nilai murni di kalangan para pelajar. KUKUM telah muncul sebagai Naib Johan dalam kuiz yang dianjurkan pada hari tersebut.

Seterusnya pada 12 Ogos 2002, Yang Berhormat Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia telah melakukan lawatan kerja ke Kampus Sementara KUKUM. Majlis


pelancaran kampus sedia-ada kita telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Shahidan Kassim pada 17 September 2002. Seterusnya pada 24 September 2002, Majlis Malam Mesra Rakyat telah diadakan sempena pelancaran KUKUM. Pelbagai acara menarik telah dijalankan. Pada 25 Oktober 2002 pula, KUKUM dengan berbesar hati telah menerima DYMM Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra dan DYTM Tuanku Laialatal Shahreen Alkashah semasa lawatan kerja mereka ke kampus kita.

Selain itu, pada peringkat pusat pengajian, Program Siswa Masuk Kampung yang telah diadakan pada 26 Oktober 2002. Pada 27 hingga 29 Oktober 2002 pula, Program Bakti Siswa telah dijalankan.

Sepanjang bulan Ramadhan, KUKUM aktif menjalankan aktiviti-nya, terutama sekali aktiviti yang bercorak ibadah. Pada 14 November 2002, Majlis Berbuka Puasa KUKUM telah diadakan dan dihadiri oleh semua staf KUKUM, manakala pada 21 November 2002 pula, sekali lagi majlis tersebut dibuat dan telah dihadiri oleh semua staf dan pelajar KUKUM. Seterusnya pada 26 November 2002, KUKUM telah mengajurkan Majlis Khatain Al-Quran, manakala majlis tadarus telah dijalankan pada hari-hari bekerja sepanjang bulan Ramadhan. Kemuncak aktiviti Ramadhan ialah Majlis Ujian Tilawah Al-Quran yang telah diadakan pada 26,27 dan 28 November 2002.

Setibanya bulan Syawal, KUKUM telah mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri KUKUM 2002 pada 23 Disember. Majlis ini telah dihadiri oleh 2000 orang jemputan termasuk penghuni rumah anak-anak yatim dan orang-orang tua. Sempena bulan Syawal juga KUKUM telah menggalakkan stafnya berpuasa sunat 6 di bulan Syawal. Satu majlis berbuka puasa dan doa selamat telah diadakan pada 1 Januari 2003.

Baru-baru ini kita juga telah menyerikan Maal Hijrah dengan mengadakan beberapa majlis bagi menyambutnya. Solat hajat untuk membantu pelajar menjalani peperiksaan akhir semester, bacaan al-Quran dan banyak lagi aktiviti keagamaan telah dijalankan.



Berita dan acara-acara penting KUKUM bagi tahun 2003

Saudara-saudari sekalian,

Sekiranya diari KUKUM dilihat sebagai penuh di dalam tahun 2002, saya kira ia akan jadi lebih penuh lagi di dalam tahun 2003. Dengan pertambahan bilangan ahli keluarga kita, maka kita kini sedang sibuk merancang beberapa acara penting sepanjang tahun ini.

Acara yang amat penting bagi kita semua ialah penerimaan 8 orang anggota Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi KUKUM. Pihak kerajaan telah baru-baru ini melantik Y Bhg Dato' Ramli Abbas sebagai Pengurus LPU. Ahli Tetap lembaga ini ialah Y Bhg Dr. Mohd Taib Hashim, manakala Ahli Ganti Kementerian Pendidikan ialah Y Berusaha En Mohd Anuar Mohd Zainum. Ahli-ahli jawatankuasa LPU terdiri dari Y Bhg Dato' Dr Norraesah Haji Mohammad, Y Bhg Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim, Y Bhg Dato' Hj Sanad Haji Said, YB En Mohiyaddin Che' Jan, dan saya sendiri. Pendaftaran kita, En Ku Halim, merupakan Setiausaha LPU. Bagi pihak semua staf, saya mengalu-alukan pelantikan dan kehadiran Pengurus dan anggota LPU di KUKUM. Dengan adanya LPU kini, saya percaya KUKUM dapat dibawa from strength to strength secara berterusan, insya Allah.

Acara yang terpenting bagi saya ialah pengambilan pelajar baru. Sidang akademik 2003/2004 akan bermula pada bulan Jun ini, di mana seramai 800 orang pelajar dijangka mendaftarkan diri di KUKUM. Saya mengambil kesempatan ini untuk berpesan kepada pelajar-pelajar KUKUM yang sedia ada supaya membantu pelajar-pelajar baru menyesuaikan diri di sini. Janganlah sekali-kali mereka yang baru ini dibuli atau dianiaya semata-mata kerana mereka itu baru dan lebih muda. Sebaliknya, rebutlah peluang ini untuk berbakti kepada anak bangsa dengan memimpin mereka menjadi pelajar tahan satu yang berjaya.

Bilangan pelajar yang bertambah ini tentunya memerlukan pertambahan bilangan staf KUKUM. Sepertimana yang saya katakan tadi,

Ucaptama Tahunan Rektor • Bersama Membina Sebuah Universiti

semasa perancangan strategik diadakan di Langkawi tahan lapis, bilangan staf kita tidak melebihi 100 orang. Kini, kita sudah mempunyai 285 orang staf - yang terdiri dari 220 staf bukan-akademik dan 65 akademik. Staf bukan-akademik yang ramai ini diperlukan untuk membangunkan infrastruktur pentadbiran KUKUM yang masih serba baru. Bilangan mereka ini dijangka tidak akan banyak bertambah pada tahun-tahun akan datang. Sebaliknya, bilangan staf akademik akan terus-menerus bertambah di dalam beberapa bulan ini bagi menampung keperluan akademik pelajar. Jadi, angka-angka yang saya sebutkan tadi merupakan angka-angka yang bersifat sementara, yang pastinya akan berubah dari sehari ke sehari. Apa yang jelas ialah bilangan anggota KUKUM terus bertambah, dan sekaligus menjadikan tugas dan tanggungjawab kita semua lebih mencabar.

Dengan bertambah kompleksnya operasi kita, perbelanjaan kita juga bertambah seiringan. Kita amat bertuah sekali kerana kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 60 sebagai belanja mengurus KUKUM untuk tahun 2003. Dari RM 60 juta ini, pecahan yang terbesar - iaitu sebanyak RM 29 juta - diperlukan kepada pembelian dan pembangunan harta modal. Ini termasuklah pembelian pelbagai mesin dan peralatan pengajaran-pembelajaran yang ditempatkan di makmal-makmal kita. Pecahan yang besar ini mencerminkan kepentingan peralatan pengajaran-pembelajaran yang lengkap dan sempurna, yang insya Allah dapat membantu pelajar-pelajar kita menguasai ilmu dengan

sebaik-baiknya. Perincian pecahan ditunjukkan pada latar.
Upacara Pecah Tanah untuk kampus tetap KUKUM dijangka menjadi upacara yang ditunggu-tunggu oleh warga KUKUM. Upacara yang julung-julung kalinya ini akan diadakan di tapak kampus induk KUKUM di Pauh. Insya Allah, bersesuaian dengan panggilannya iaitu 'Kampus Alam', kawasan di Pauh ini mempunyai ciri-ciri yang diharapkan. Tapaknya yang strategik iaitu berhampiran bukit menyajikan panorama yang indah dan semulajadi. Upacara pecah tanah dijangka akan diadakan pada bulan April atau Mei, 2003.

Upacara pemasyuran Canselor merupakan satu lagi highlight yang dinanti-nantikan. KUKUM akan mentabalkan Permaisuri Raja Perlis sebagai Cancelornya. Namun begitu, Pemangku Raja Perlis akan mewakili baginda pada hari pertabalan tersebut. Pemahsyuran ini dijangka berlangsung pada bulan Jun 2003.

Penutup

Saudara-saudari sekalian,

Dalam tempoh lebih kurang satu jam ini, saya telah menceritakan perjalanan universiti kita agar semua warga KUKUM dapat menghayati jejak tempa yang telah kita lalui bersama-sama. Saya harap ini dapat membantu membina suatu 'common sense of history' bagi kita yang seterusnya dapat dijadikan vadah memantapkan hubungan siratulrahim antara kita semua. Saya juga, pada awal syarahan ini, telah menghuraikan banyak

perkara yang perlu kita fikirkan bersama. Untuk memikirkannya sahaja tentunya tidak memadai. Semua yang kita fikirkan itu perlu disusuli dengan tindakan yang diharapkan dapat merealisasikan apa yang kita harapkan. Saya menaruh harapan yang tinggi ke atas semua staf dan pelajar KUKUM untuk mendukung dan merealisasikan apa yang kita rencanakan ini, agar KUKUM menjadi sebuah universiti yang cemerlang lagi gemilang suatu hari nanti - dengan warganya - tidak kira agama, bangsa dan kedudukan - teguh bersatu di bawah satu panji-panji. Dan saya berharap agar segala pekerjaan yang mendukung usaha untuk mencapai cita-cita KUKUM dilakukan atas dasar beribadah kepada Tuhan semata-mata.

Kepada staf KUKUM, perlu saya nyatakan di sini bahawa pelajar merupakan komponen terpenting dalam sistem kita. Kerana mereka lah kita berada di sini. Tanpa mereka, kebanyakan dari kita tentunya masih lagi menggugur dan masih lagi mencari-cari pekerjaan. Kerana pelajarlah kita dibiayai oleh kerajaan untuk menubuhkan universiti ini. Kerana mereka lah kita memperolehi punca rezeki kita di KUKUM ini. Dari itu, kepentingan mereka perluh sentiasa kita ambil berat. Staf - baik staf akademik maupun staf pentadbiran - perlu sentiasa mendampingi pelajar dan membantu mereka di mana perlu. Pelajar perlu dihormati dan dilindungi. Mereka adalah aset kita, mereka lah yang akan menggembangkan KUKUM nanti.

Kepada pelajar KUKUM pula, ingin saya ingatkan bahawa saya serta seluruh staf

KUKUM menaruh harapan yang tinggi terhadap anda semua. Dari itu, janganlah disia-siakan harapan kami. Syukurullah nikmat yang telah dikurniakan kepada anda semua. Belajarlah bersungguh-sungguh, dan manfaatkanlah segala kemudahan yang sedia ada; agar dapat kita sama-sama buktikan bahawa sekian banyak wang rakyat yang telah kita gunakan tidak menjadi pembaziran semata-mata.

Saya akhiri syarahan ini dengan memperingati saudara-saudari sekalian tentang perihal pentingnya ilmu, keikhlasan, dan kecemerlangan dalam kita mengharungi kehidupan kita sehari-hari. Lebih-lebih lagi KUKUM ini merupakan sebuah institusi ilmu - dan dari itu harapan masyarakat, agama dan bangsa begitu besar diletakkan di atas bahu kita. Tanpa ilmu, terutama sekali ilmu yang mengajak kepada keikhlasan dan kecemerlangan, maka kita pastinya terumbang-ambil, tanpa tujuan dan arah. Ilmu adalah jantung kepada pembangunan peribadi dan masyarakat. Ia membolehkan setiap di antara kita, tanpa pengecualian, membangun dan mengasah bakat dan kebolehan sepenuhnya. Ia juga menyedarkan kita akan potensi diri, dan tanggungjawab serta amanah kita terhadap urusan hidup dan pencapaian matlamat peribadi kita. Tidak syak ilmu adalah nadi hidup ini.

Sekian, saya sudah dengan wabillahitaufiq, walhidayah, wassalamualaikum warah matullahi warakatuh.